



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2019

19 OKTOBER, KUALA LUMPUR – Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) peringkat kebangsaan tahun 2019 mengekalkan slogan “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama” dengan berfokuskan kepada kempen hindari plastik sekali guna, pengumpulan buangan elektrik dan elektronik dari isi rumah (household e-waste) serta program penanaman pokok.

Sambutan HASN 2019 kali ini yang diadakan di Taman Pudu Ulu Kuala Lumpur dianjurkan oleh Kementerian Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama strategik Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sambutan HASN 2019 telah menyaksikan penganugerahan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) sesi 2018/ 2019 bagi kategori sekolah menengah dan sekolah rendah. Penganugerahan SLAAS tahun ini turut mendapat sokongan daripada Yayasan Bank Rakyat (YBR).

Program Sekolah Lestari ini adalah merupakan program kerjasama di antara JAS, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ini adalah bagi membudayakan pendidikan alam sekitar dengan menerapkan nilai murni alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan secara berterusan bagi mewujudkan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari.

Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna dan Penyedut Minuman Plastik yang dilancarkan pada tahun 2018 pula adalah sejajar dengan inisiatif MESTECC untuk menangani plastik sekali guna telah menggalakkan industri plastik untuk beralih kepada produk yang mesra alam. Ini akan memastikan industri dapat terus berkembang dengan mengadaptasi teknologi hijau, dan pada masa yang sama dapat memelihara alam sekitar.

Aktiviti pengumpulan 'household e-waste' yang diterajui oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sejak tahun 2013 kini mula memberi kesedaran orang awam akan tanggungjawab terhadap buangan *e-waste* dan memastikan ia dikendalikan oleh kemudahan yang dilesenkan oleh JAS secara selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar.

Dalam usaha memupuk semangat kecintaan terhadap alam sekitar dari peringkat sekolah, MESTECC melalui Yayasan Hijau Malaysia telah mengadakan siri ceramah kesedaran sekolah rendah dan menengah mengenai kempen hindari plastik sekali guna, Pertandingan Pengumpulan Barangan Kitar Semula Sekolah Rendah dan Menengah peringkat Kebangsaan dan Pertandingan Pentomin Sekolah Rendah peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Ternyata siri ceramah kesedaran mendapat sambutan menggalakkan dengan penglibatan 100 buah sekolah manakala Pertandingan

Pengumpulan Barangan Kitar semula mendapat penyertaan sebanyak 254 buah sekolah rendah dan menengah seluruh negara serta telah berjaya mengumpul keseluruhan barangan kitar semula sebanyak 62,000 kilogram (62 tan).

Pelbagai acara menarik yang diadakan sepanjang Sambutan HASN 2019 seperti *Enviro-Race*, Aktiviti Penanaman Pokok, Pengumpulan *E-waste*, Pengumpulan Buangan Kitar Semula (Minyak, Kertas), Pertandingan Rekacipta Daripada Bahan Kitar Semula, *Fun walk*, *Lab In The Box*, penampilan istimewa Maya Karin Pertandingan *Beyblade*, Pertandingan Mewarna, Face Painting, Zumba / Zafina dan Share Your Moment yang telah menarik lebih 5,000 pengunjung.

- **TAMAT** -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

En. Mohd Azmi bin Abdul Majid
Pegawai Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC
No. Tel: 03-88858822

Atau

En. Sharudin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam
Jabatan Alam Sekitar
No. Tel: 012-3023864

Dikeluarkan pada 18 Oktober 2019 jam 4.15 petang